PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah terus stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) tidak berubah pada 3.00% pada suku ketiga 2011, susulan kenaikan 25 mata asas pada bulan Mei. Pada tahap semasa, OPR terus menyokong aktiviti ekonomi. Pendirian dasar monetari adalah konsisten dengan penilaian bahawa ketidakpastian yang lebih ketara berikutan perkembangan global yang telah menyebabkan wujudnya peningkatan risiko pertumbuhan akan menjadi lebih rendah.

Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman (average overnight interbank rate, AOIR) stabil, mencerminkan OPR yang tidak berubah. Pada tempoh 1 Julai hingga 30 September 2011, AOIR bergerak dalam julat 2.79% hingga 3.00%. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain turut stabil.

Walau bagaimanapun, kadar bagi swap kadar faedah (interest rate swap, IRS) dan pasaran hadapan 3 bulan KLIBOR merosot pada suku ketiga, mencerminkan jangkaan yang semakin berkurang terhadap peningkatan OPR pada masa hadapan berikutan ketidakpastian yang membelenggu pertumbuhan global dan kesannya terhadap ekonomi Malaysia.

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar deposit runcit stabil pada suku tersebut. Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata secara relatif tidak berubah. Pada akhir

Swap Kadar Faedah: Kadar



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan 3 Bulan KLIBOR



Sumber: Bursa Malaysia

Kadar Faedah

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Pada akhir tempoh (%)				
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	2.75	2.75	2.75	3.00	3.00
Kadar antara bank					
Semalaman	2.73	2.72	2.74	2.97	2.99
1 bulan	2.81	2.83	2.79	3.08	3.09
Kadar berian pinjaman asas (BLR)					
Bank perdagangan	6.27	6.27	6.27	6.54	6.54
Kadar pinjaman purata (ALR)					
Bank perdagangan	5.19	5.05	5.06	5.07	5.05
Kadar deposit tetap					
Bank perdagangan					
3 bulan	2.73	2.74	2.74	2.99	3.00
12 bulan	2.95	2.97	2.98	3.23	3.22

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

bulan September, kadar FD disebut purata bagi tempoh antara 1 hingga 12 bulan masing-masing adalah antara 2.95% hingga 3.22%,

Kos peminjaman juga stabil antara bulan Julai hingga September 2011. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.54%. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul juga kekal stabil pada 5.70% pada akhir bulan September 2011 (akhir bulan Jun 11: 5.71%). Dengan kadar pinjaman runcit masih di bawah paras prakrisis, kos pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi.

M3 terus meningkat pada suku ketiga

Agregat monetari terus berkembang pada suku ketiga. M1 atau wang secara kecil, bertambah sebanyak RM2.5 bilion pada suku tersebut. Pada asas tahunan, M1 bertambah sebanyak 13.3% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 11: 14.5%). M3 atau wang secara luas, bertambah sebanyak RM28.8 bilion pada asas suku tahunan dan mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 12.5% pada akhir bulan September 2011 (akhir bulan Jun 11: 12.4%).

Pertambahan M3 pada suku ketiga disokong oleh peningkatan pinjaman yang berterusan, mencerminkan aktiviti ekonomi yang mampan. Peningkatan perbelanjaan oleh Kerajaan juga telah menambahkan kesan pengembangan ini terhadap M3. Sementara itu, aliran keluar modal bersih mengakibatkan kemerosotan dalam aset asing bersih institusi perbankan, yang seterusnya menyebabkan kesan penguncupan terhadap wang secara luas.

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
M3	**24.1**	**30.5**	**28.0**	**44.9**	**28.8**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	2.7	-3.4	-3.7	-11.4	10.4
Tuntutan terhadap sektor swasta	22.5	29.1	22.8	37.8	20.2
Pinjaman	*17.2*	*28.6*	*26.5*	*29.3*	*22.6*
Sekuriti	*5.3*	*0.5*	*-3.7*	*8.5*	*-2.4*
Aset asing bersih[1]	17.3	17.3	25.1	72.7	3.5
BNM	*5.9*	*17.2*	*15.7*	*61.7*	*10.7*
Sistem Perbankan	*11.3*	*0.1*	*9.3*	*11.0*	*-7.2*
Pengaruh lain	*-18.4*	*-12.5*	-16.1	-54.2	-5.3

[1] Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan sektor swasta kekal berdaya tahan

Aktiviti pembiayaan pada suku ketiga kekal berdaya tahan dengan jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal kekal pada RM223.9 bilion (S2 11: RM224.9 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 13.4% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 11: 12.8%).

Penunjuk pinjaman utama kekal teguh pada suku ketiga. Dalam sektor perniagaan, sebahagian besar pinjaman dikeluarkan untuk membiayai keperluan modal kerja dalam sektor *perkilangan*; *borong dan runcit*, *restoran dan hotel*; *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan* dan *pembinaan*. Permintaan untuk pembiayaan baharu oleh perniagaan menjadi sederhana sedikit dengan permohonan terutamanya daripada sektor *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; perkilangan serta bekalan elektrik, gas* dan *air*. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar lebih tinggi sebanyak 14.1% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 11: 12.1%). Peningkatan pinjaman perniagaan terkumpul adalah menyeluruh merentas semua sektor utama.

Pembiayaan kepada sektor isi rumah juga kekal tinggi. Pengeluaran pinjaman kepada isi rumah turut meningkat pada suku ketiga, terutamanya untuk *pembelian harta kediaman dan bukan kediaman* dan *kegunaan peribadi*. Meskipun permintaan bagi pembiayaan oleh isi rumah adalah berterusan, permintaan menjadi sederhana merentas subsektor lain pada suku tersebut. Dengan itu, pinjaman isi rumah terkumpul berkembang sebanyak RM15.2 bilion pada suku ketiga dan meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 12.5% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 11: 12.8%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2010		2011			2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
Jumlah pembiayaan kasar	**189.4**	**221.0**	**201.4**	**224.9**	**223.9**	**4.4**	**2.1**	**6.1**	**10.6**	**18.2**
Pengeluaran pinjaman*	176.1	188.9	188.6	200.8	202.1	5.1	1.0	8.2	8.4	14.8
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	11.2	17.4	11.6	20.3	18.0	-11.3	5.9	161.3	45.9	61.1
Ekuiti	2.1	14.7	1.1	3.8	3.8	73.6	12.0	-89.9	-9.7	79.3
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**22.0**	**36.9**	**32.8**	**51.2**	**31.4**	**10.6**	**10.9**	**12.1**	**12.8**	**13.4**
Sistem perbankan	22.9	29.5	25.9	38.9	25.9	11.0	11.9	12.4	13.1	13.1
Baki pinjaman (A)	*19.2*	*29.1*	*28.8*	*35.6*	*24.6*	*11.8*	*12.7*	*13.2*	*13.5*	*13.8*
Pemegangan PDS	*3.7*	*0.4*	*-2.8*	*3.3*	*1.3*	*1.3*	*1.9*	*2.1*	*7.7*	*3.4*
PDS terkumpul (B)	2.8	7.8	4.0	15.6	6.8	7.1	5.9	8.7	10.6	11.9
Memoranda										
PDS kasar (termasuk Cagamas)	14.4	18.3	12.2	20.9	19.1	6.5	11.4	161.3	42.0	32.4

*Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2010		2011			2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
Jumlah										
Permohonan pinjaman	176.3	173.5	168.5	199.2	182.9	30.1	22.9	26.8	25.5	3.7
Kelulusan pinjaman	91.2	91.8	87.6	109.7	97.3	25.5	14.1	25.0	21.4	6.7
Pengeluaran pinjaman	176.1	188.9	188.6	200.8	202.1	5.1	1.0	8.2	8.4	14.8
Bayaran balik pinjaman	165.2	167.9	168.1	173.8	188.2	13.4	3.4	8.8	7.4	13.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	19.2	29.1	28.8	35.6	24.6	11.8	12.7	13.2	13.5	13.8
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan**										
Permohonan pinjaman	84.7	82.1	79.6	96.6	85.7	40.6	34.1	32.6	34.8	1.1
Kelulusan pinjaman	43.7	43.4	38.9	55.4	46.2	47.5	17.0	32.8	29.2	5.8
Pengeluaran pinjaman	116.5	124.6	122.1	134.8	135.9	5.9	-1.2	4.2	7.8	16.6
Bayaran balik pinjaman	113.6	113.0	109.8	116.9	130.2	15.7	0.2	4.3	5.0	14.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	2.1	13.4	11.3	11.6	8.7	7.1	9.4	10.9	12.1	14.1
PKS**										
Permohonan pinjaman	32.0	34.2	37.7	44.7	40.0	12.2	14.9	35.0	30.6	25.2
Kelulusan pinjaman	14.7	14.4	16.4	19.2	18.8	18.3	13.5	27.3	20.9	27.7
Pengeluaran pinjaman	35.3	39.8	41.6	42.7	47.0	-1.3	4.0	17.3	16.6	33.4
Bayaran balik pinjaman	33.9	37.4	37.2	36.6	41.9	3.2	7.3	11.4	13.1	23.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	2.8	3.5	3.4	7.5	5.7	4.5	2.4	2.4	14.1	16.1
Syarikat besar										
Permohonan pinjaman	52.8	47.9	41.9	51.8	45.7	66.0	52.3	30.5	38.8	-13.4
Kelulusan pinjaman	29.0	29.1	22.4	36.3	27.5	68.5	18.9	37.1	34.1	-5.3
Pengeluaran pinjaman	81.3	84.8	80.4	92.0	88.8	9.3	-3.4	-1.5	4.2	9.3
Bayaran balik pinjaman	79.7	75.6	72.6	80.2	88.3	22.0	-3.0	1.1	1.7	10.8
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	-0.7	9.8	7.9	4.1	3.0	8.7	14.2	17.0	10.8	12.8
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	91.6	91.4	88.9	102.6	97.2	21.6	14.3	22.0	17.8	6.2
Kelulusan pinjaman	47.5	48.3	48.8	54.3	51.0	10.3	11.5	19.4	14.3	7.5
Pengeluaran pinjaman	59.6	64.3	66.6	66.1	66.2	3.5	5.6	16.4	9.6	11.1
Bayaran balik pinjaman	51.6	54.9	58.3	57.0	58.0	8.5	10.6	18.4	12.8	12.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	14.8	14.2	14.8	15.4	15.2	13.3	13.4	13.2	12.8	12.5

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
**Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman						Baki pinjaman
	Pada tempoh					Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	S3 10	S4 10	S1 11	S2 11	S3 11	S3 11	
	(RM bilion)					(%)	
Perusahaan perniagaan	**116.5**	**124.6**	**122.1**	**134.8**	**135.9**	**67.2**	**45.0**
Syarikat besar	*81.3*	*84.8*	*80.4*	*92.0*	*88.8*	*44.0*	*30.1*
*PKS**	*35.3*	*39.8*	*41.6*	*42.7*	*47.0*	*23.3*	*14.9*
Sektor terpilih							
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	4.8	5.3	5.6	5.9	5.3	2.6	2.1
Perlombongan dan kuari	0.9	1.2	1.1	1.1	1.6	0.8	0.4
Perkilangan	36.1	36.8	41.2	42.0	44.9	22.2	9.4
Pembinaan	11.3	11.9	10.3	10.1	10.8	5.3	3.9
Harta tanah	6.9	7.5	6.4	8.5	8.9	4.4	4.9
Bekalan elektrik, gas dan air	0.9	2.6	1.5	1.2	1.6	0.8	1.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	30.6	30.9	30.8	33.8	37.2	18.4	7.3
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	4.2	4.3	4.4	4.3	4.6	2.3	2.8
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	13.0	17.8	14.9	18.7	13.0	6.4	7.5
Isi rumah	**59.6**	**64.3**	**66.6**	**66.1**	**66.2**	**32.8**	**55.0**
Pembelian harta kediaman	13.7	15.1	15.0	15.7	16.8	8.3	25.5
Kredit penggunaan	38.2	39.9	40.1	40.9	40.3	20.0	19.9
Antaranya:							
Kad kredit	*21.3*	*23.4*	*23.3*	*24.2*	22.7	11.3	3.2
Pembelian kereta penumpang	*9.4*	*9.1*	*8.9*	*8.6*	*8.8*	*4.4*	*11.8*
Lain-lain	7.7	9.3	11.4	9.5	*9.1*	*4.5*	*9.6*
Jumlah	**176.1**	**188.9**	**188.6**	**200.8**	**202.1**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal dipacu oleh sektor swasta

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal pada suku ketiga berjumlah RM12.7 bilion (S2 11: RM20.8 bilion). 88% daripada jumlah ini atau RM11.1 bilion diperoleh sektor swasta, terutamanya melalui sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS). Pada suku tersebut, terbitan PDS baharu berjumlah RM19.1 bilion (S2 11: RM20.9 bilion). Sebahagian besar dana diperoleh untuk modal kerja dan tujuan korporat am. Dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti tidak berubah berbanding dengan suku sebelumnya iaitu sebanyak RM3.8 bilion. Sebahagian besar dana diperoleh melalui tawaran awam awal (RM3.2 bilion), manakala bakinya diperoleh melalui terbitan hak (RM0.7 bilion).

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**8.9**	**7.1**	**24.6**	**3.5**	**1.6**
Sekuriti kerajaan, *bersih*	9.0	7.1	24.6	5.0	1.6
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*9.9*	*6.6*	*15.1*	*16.7*	*14.0*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*6.0*	*3.0*	*9.5*	*10.0*	*10.8*
Tolak: Penebusan	*7.0*	*2.5*	-	*21.8*	23.2
Bon Khazanah, *bersih*	-	-	-	-	-
Bon Simpanan, *bersih*	(0.1)	(0.1)	(0.1)	(1.4)	(0.0)
Oleh Sektor Swasta	**7.9**	**23.4**	**5.1**	**17.3**	**11.1**
Saham	2.1	14.7	1.1	3.8	3.8
Sekuriti hutang, *bersih*	5.8	8.7	4.0	13.5	7.3
Sekuriti Hutang Swasta	*14.4*	*18.3*	*12.2*	*20.9*	*19.1*
Tolak: Penebusan	*8.6*	*19.6*	*8.2*	*7.4*	*11.8*
Jumlah	**16.8**	**30.5**	**29.7**	**20.8**	**12.7**

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Dalam sektor awam, dana kasar sebanyak RM24.8 bilion diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 7 tahun, serta pembukaan semula MGS 5 tahun dan 15 tahun, dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII) 5 tahun dan 10 tahun. Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor awam pada suku ketiga berjumlah RM1.6 bilion.

Kadar hasil bon terus menurun pada suku ketiga

Kadar hasil MGS menurun pada bulan Julai dan Ogos 2011, berikutan permintaan yang berterusan daripada pemastautin dan bukan pemastautin ekoran kebimbangan berlakunya kemelesetan dua kali dalam ekonomi maju. Kadar hasil mengalami tekanan yang lebih tinggi pada bulan September susulan penurunan dalam pemegangan MGS oleh bukan pemastautin disebabkan krisis hutang kerajaan yang bertambah buruk di Eropah. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan, kadar hasil terus menurun, dengan tanda aras MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing mencatat penurunan sebanyak 1, 11 dan 23 mata asas.

Terbitan Sekuriti Hutang Swasta Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas
* Termasuk modal kerja dan aktiviti perniagaan am

Sumber: Bank Negara Malaysia

Trend Kadar Hasil MGS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Hasil MGS (5 tahun) dan Kadar Hasil Bon Korporat (5 tahun)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam pasaran PDS, kadar hasil bon korporat turut mencatat penurunan sedikit, sejajar dengan kadar hasil MGS. Kadar hasil bagi kertas penarafan AAA dan AA 5 tahun mencatat penurunan kecil masing-masing sebanyak 2.2 dan 8.7 mata asas, manakala kadar hasil bagi kertas penarafan A merosot sebanyak 12.7 mata asas.

Urus niaga sekunder terus bertambah dalam pasaran bon pada suku ketiga

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat kepada RM344 bilion pada suku ketiga (S2 11: RM268 bilion). Sama seperti suku sebelumnya, peningkatan tertumpu terutamanya pada sekuriti kerajaan, dengan segmen MGS dan segmen GII mencatat nisbah mudah tunai lebih tinggi, masing-masing pada 0.78 dan 0.99. Nisbah mudah tunai bagi segmen PDS kekal stabil pada 0.08.

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

KLCI menurun pada suku ketiga

FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI menurun 192 mata kepada 1,387.1 (akhir bulan Jun: 1,579.1) mencerminkan penurunan sebanyak 12.2% pada suku ketiga (S2 11: +2.2%). Penurunan ini sejajar dengan prospek ekonomi maju yang semakin merosot, serta ketidakpastian yang semakin meningkat dan penghindaran risiko yang semakin ketara dalam kalangan pelabur. Hasilnya, permodalan pasaran menurun kepada RM1.17 trilion pada akhir bulan September (akhir bulan Jun: RM1.34 trilion). Urus niaga purata harian secara relatif tidak berubah pada 1.02 bilion unit pada S3 11 (S2 11: 1.04 bilion unit).

Prestasi Pasaran Ekuiti Global dan Serantau Terpilih pada Tahun 2011 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2010		2011		
	Pada akhir				
	Sep	Dis	Mac	Jun	Sep
Indeks harga					
Komposit	1,463.5	1,518.9	1,545.1	1,579.1	1,387.1
FBMEMAS[1]	9,811.6	10,375.0	10,612.5	10,842.3	9,397.6
Pasaran ACE[2]	3,877.0	4,347.6	4,333.5	4,198.2	3,598.0
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,150.1	1,275.3	1,311.0	1,342.2	1,172.3
Bilangan syarikat yang disenaraikan	958	957	954	953	952
	Pada tempoh suku				
	S3	S4	S1	S2	S3
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	920.9	1,276.5	1,730.1	1,038.8	1,018.9
Nilai (RM juta)	1,481.7	2,002.5	2,233.9	1,638.7	1,887.4

[1] FBMEMAS mewakili indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2010				2011					
	S3		S3		S1		S2		S3	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	58.0	93.4	79.1	124.2	102.1	131.8	65.4	103.2	63.2	117.0
Antaranya:										
Papan Utama	49.3	91.7	65.7	121.1	84.1	128.4	49.5	100.0	47.4	114.4
Antaranya										
Produk Pengguna	4.2	5.0	3.6	5.5	4.0	5.4	4.0	5.0	2.9	4.9
Produk Industri	8.9	9.9	15.4	22.7	18.8	21.2	10.5	15.7	7.9	12.9
Pembinaan	4.5	8.5	4.5	8.7	4.6	9.0	2.8	5.9	3.3	6.1
Dagangan/Khidmat	15.1	34.5	19.3	40.0	33.5	46.2	17.2	36.5	15.7	42.6
Kewangan	3.5	18.7	4.6	22.7	4.4	24.6	4.7	20.9	5.7	31.1
Harta Benda	6.7	4.6	11.5	8.8	12.8	9.6	6.3	7.2	6.8	7.8
Perladangan	1.0	5.1	2.3	7.9	2.4	8.2	1.2	5.2	1.9	5.6
Infrastruktur	1.8	2.2	1.7	2.4	1.1	2.4	0.7	2.1	0.9	2.2
Pasaran Ace[1]	4.1	0.6	5.6	1.3	8.3	1.2	10.9	2.1	9.8	1.5

[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Pada 16 November 2011, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,476.8 mata (sejak akhir bulan September: +6.5%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.27 trilion (sejak akhir bulan September: +7.9%).

Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama

Pasaran pertukaran asing global mengalami turun naik ketara pada suku ketiga berikutan para pelabur menyelaras kedudukan masing-masing disebabkan oleh berlakunya pelbagai peristiwa penting yang menjejaskan ekonomi dunia. Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS pada suku ketiga, sejajar dengan mata wang serantau lain. Penyusutan nilai ringgit, terutamanya pada bulan September 2011, mencerminkan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap krisis hutang kerajaan di Eropah dan juga kemampanan pemulihan ekonomi global yang telah mengakibatkan kegiatan penghindaran risiko yang lebih tinggi serta mendorong sebahagian pelabur untuk melupuskan pegangan aset pasaran sedang pesat membangun. Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 5.3% berbanding dengan dolar AS. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan euro (1.5%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-2.2%) dan yen Jepun (-9.9%). Penyusutan nilai ringgit berbanding dengan yen Jepun adalah sejajar dengan

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 Julai - 30 September 2011)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

trend serantau. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan won Korea (4.5%) dan dolar Singapura (0.2%), tetapi menyusut nilai berbanding

dengan rupiah Indonesia (-2.9%), baht Thailand (-4.0%), peso Filipina (-4.3%) dan renminbi China(-6.3%).

Pada tempoh antara 1 Oktober dan 16 November 2011, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (0.8%), yen Jepun (1.4%) dan euro (1.3%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-0.4%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit bertambah kukuh berbanding dengan rupiah Indonesia (3.3%), dolar Singapura (0.4%) dan renminbi China (0.1%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan peso Filipina (-0.1%), baht Thailand (-0.3%) dan won Korea (-3.0%).

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S3 10	S2 11	S3 11	21 Jul 05	S3 10	S2 11
Dolar AS	3.8000	3.0875	3.0205	3.1910	19.1	-3.2	-5.3
Euro	4.6212	4.1979	4.3820	4.3160	7.1	-2.7	1.5
Paun sterling	6.6270	4.8892	4.8648	4.9738	33.2	-1.7	-2.2
100 yen Jepun	3.3745	3.6943	3.7538	4.1663	-19.0	-11.3	-9.9
Dolar Singapura	2.2570	2.3442	2.4577	2.4537	-8.0	-4.5	0.2
100 baht Thailand	9.0681	10.151	9.8308	10.236	-11.4	-0.8	-4.0
100 peso Filipina	6.8131	7.0254	6.9649	7.2746	-6.3	-3.4	-4.3
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0346	0.0352	0.0362	6.7	-4.5	-2.9
100 won Korea	0.3665	0.2706	0.2826	0.2703	35.6	0.1	4.5
Renminbi China	0.4591	0.4615	0.4673	0.4988	-8.0	-7.5	-6.3

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia